

TARIKH	8 OKTOBER 2025 (RABU)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	PERKHIDMATAN AWAM PERLU PEMIMPIN BERANI BUAT PEMBAHARUAN		
M/S	2 (NASIONAL)	KATA KUNCI	CIVIL SERVICE
BIDANG	CIVIL SERVICE		



Anwar menyerahkan plak logo ASEAN pada Persidangan ASEAN mengenai Perkhidmatan Awam Sedia Masa Hadapan di Petaling Jaya, semalam. Turut hadir, Shamsul Azri (kiri). (Foto BERNAMA)

Perkhidmatan awam perlu pemimpin berani buat pembaharuan

PM tekankan pendirian moral yang jelas jadikan khidmat lebih manusiawi

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Petaling Jaya: Kepemimpinan dalam politik dan perkhidmatan awam menuntut pendirian moral yang jelas serta keberanian untuk melakukan pembaharuan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, perkhidmatan awam yang bersedia untuk masa depan memerlukan pemimpin yang berfikir melangkaui kitaran pilihan raya, bertindak dengan telus dan sedia untuk diteliti tindakannya.

Pada masa sama, beliau berkata teknologi yang sedang membentuk semula tadbir urus, ter-

masuk di negara ini, daripada analitik data kepada kecerdasan buatan (AI) bertujuan memudahkan kehidupan dan menjadikan perkhidmatan awam lebih manusiawi.

"Pada teras tadbir urus, terletak moraliti. Tanpa tujuan moral, perkhidmatan awam akan hilang arah. Tanggungjawab kita untuk memperkasa rakyat dan memastikan kemajuan sampai ke setiap lapisan masyarakat."

"Perkhidmatan awam yang gagal mendengar suara golongan lemah atau terpinggir akan kehilangan keabsahan. Keadilan mesti memandu dan dipandu dalam setiap keputusan kita," katanya.

Perlu kepakaran

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan ASEAN mengenai Perkhidmatan Awam Yang Bersedia Untuk Masa Depan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Bakar.

Perdana Menteri berkata, seluruh perkhidmatan awam dan infrastruktur awam adalah berdasarkan pengkhususan, dengan setiap bidang memerlukan kepakaran serta fokus berbeza.

"Bagaimanapun, pembaharuan seperti pendigitalan dan tenaga menuntut fenomena baharu, iaitu keperluan untuk berintegrasi dengan berkesan."

"Itu sebabnya saya berpendapat, kefahaman dalam kalangan pegawai kanan sangat penting. Mereka perlu mampu bekerja bukan secara berasingan dalam silo, tetapi bertindak mengintegrasikannya," katanya.

Katanya, setiap agensi kerajaan perlu menggunakan data diperoleh, termasuk daripada rakyat secara bertanggungjawab, dengan setiap interaksi perlu telus dan meringankan beban rakyat.

"Perkhidmatan awam mesti menjadi institusi pembelajaran, sentiasa meningkatkan kemahiran dan berpegang kepada piawaian integriti yang jelas," katanya.